

Swasta diminta bantu majukan Paya Indah Wetlands

DENGKIL, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta sektor swasta memberi sumbangan bagi membantu membangun serta memajukan Paya Indah Wetlands iaitu tapak bekas lombong yang bakal menjadi destinasi pelancongan tanah lembap terkemuka negara.

Perdana Menteri berkata, pelbagai cadangan dikemukakan untuk memajukan taman seluas kira-kira 3,100 hektar itu tetapi kosnya terlalu tinggi dan pihak swasta perlu membantu.

"Kita sudah mengadakan bermacam-macam cadangan tapi agak mahal, kita bukan ada duit," katanya selepas majlis penyerahan lima tram elektrik Tenaga Nasional Bhd (TNB) kepada Paya Indah Wetlands sempena sambutan ulang tahun pertama taman itu di sini, hari ini.

Dr Mahathir menandatangani plak sebagai tanda penerimaan kereta elektrik itu. Hadir sama Menteri Sains, Teknologi dan Alam Se-

kitar, Datuk Seri Law Hieng Ding; Duta Besar China ke Malaysia, Hu Zhengyue; Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis; Pemegang Amanah Paya Indah, Datuk Ahmad A Talib yang juga Pengarang Kumpulan New Straits Times dan Ketua Pegawai Eksekutif Paya Indah, Muralee Menon.

Perdana Menteri yang turut menerima sepasang burung Manchuria sumbangan Republik Rakyat China daripada Hu, kemudian menaiki tram meninjau kawasan sekitar. Sejak tiga hari lalu, orang ramai membanjiri taman terbabit bagi menyertai atau menyaksikan karnival sempena ulang tahun itu.

Dr Mahathir tiba di sini sejak jam 7 pagi lagi untuk meluangkan masa menunggang kuda di sekitar taman. Taman yang dimajukan sebagai pusat ekopelancongan dengan infrastruktur yang minimum bagi mengawal keseimbangan ekosistemnya, kini mempunyai 210 spesies burung, 35 spesies mamalia,

19 spesies ikan dan lebih 220 jenis tumbuhan air.

Anggaran kos untuk membangunkan Paya Indah Wetlands apabila ia dikemukakan pada awal 1997 ialah RM280 juta. Bagaimanapun disebabkan kegawatan ekonomi, anggaran kos pembangunannya dikurangkan kepada RM160 juta dengan tumpuan diberikan kepada komponen utama saja. Kerajaan memberi pinjaman berjumlah RM33.4 juta untuk membiayai projek itu.

Dr Mahathir berkata, berbanding sebelum ini, kawasan sekitar Paya Indah Wetlands kini lebih baik dengan banyak pokok ditanam dan tidak sepanas dulu apabila tiada pokok di kawasan terbabit kecuali semak.

Katanya, Kerajaan Pusat buat masa ini belum bercadang mewariskan taman itu sebagai kawasan warisan negara tetapi terpulang kepada kerajaan Selangor yang memiliki tanah itu untuk berbuat demikian.